



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 28 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FOOD SECURITY, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	40,000 BENIH IKAN LAMPAM, TERUBOI DILEPAS DI TASIK GUBIR, DALAM NEGERI, UM -30	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	NELAYAN BIMBANG PULAU DITAMBAK, DALAM NEGERI, UM -1&2	LAIN-LAIN
4.	A LIFELINE FOR FISHERMEN AHEAD OF MONSOON, NEWS, NST -10	
5.	NELAYAN RAYU TINDAKAN KE ATAS PIHAK CEMARI SUNGAI, NEGARA, KOSMO -16	
6.	PETANI MENGELUH SAMPAH DIBUANG SESUKA HATI DI SAWAH, NEGARA, KOSMO -18	
7.	SEDUT PASIR: NELAYAN TAK TAHU, DALAM NEGERI, UM -4	
8.	HERBA TARIKAN HOME2STAY KAK SIAH, DALAM NEGERI, UM -13	
9.	BERAS MERAH TINGGI SERAT, WM, HARIAN METRO -39	
10.	KEMPEN LESTARI BIJI KOPI 'DARI LADANG KE CAWAN', WM, HARIAN METRO -39	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2020	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	2



FOOD SECURITY ... Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang (right) being briefed on the production of cauliflower in a greenhouse at the Malaysian Agricultural Research and Development Institute in Serdang, Selangor, yesterday. - **BERNAMAPIX**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

40,000 benih ikan lampam, teruboi dilepas di Tasik Gubir

SIK: Jabatan Perikanan negeri melepaskan kira-kira 40,000 benih ikan air tawar spesies lampam jawa dan teruboi di Tasik Gubir dekat sini, semalam.

Ahli Parlimen Sik, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, benih ikan tersebut dilepaskan bagi meningkatkan jumlah ikan air tawar yang terdapat di dalam tasik tersebut.

Menurutnya, kebanyakan penduduk berdekatan seperti Kota Aur di sini menjadikan tasik tersebut sebagai sumber pendapatan dengan menangkap

ikan untuk dijual di pasaran.

“Benih ikan yang dilepas ini diharapkan dapat menambah sumber pendapatan penduduk tempatan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Ramah Agensi Bersama Komuniti Nelayan di Dataran Tasik Gubir dekat sini semalam.

Pada majlis itu, Ahmad Tarmizi yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) melepaskan kira-kira 40,000 benih ikan tersebut di tasik berkenaan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perusahaan Perladangan, Komuniti, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, Azman Nasrudin pula berkata, beliau percaya Tasik Gubir akan menjadi antara kawasan memancing yang popular di negeri ini selepas ini.

“Diharapkan, suatu masa nanti, kawasan Tasik Gubir ini akan menjadi tarikan kepada pelancong baharu terutamanya dalam kalangan peminat aktiviti memancing,” katanya.



AHMAD Tarmizi Sulaiman (kanan) melepaskan benih ikan ke dalam Tasik Gubir, Sik semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Nelayan bimbang pulau ditambak

Dari muka 1

Menurut seorang nelayan yang mahu dikenali sebagai Ahmad, projek itu percayai untuk membangunkan pulau simpanan minyak di perairan tersebut.

Katanya, akibat kerja-kerja penambakan sejak 2015 itu, nelayan tidak dapat lagi turun ke laut untuk menangkap ikan. "Hasil tangkapan ikan ne-

layan telah berkurangan dan kami kini terpaksa mencari kawasan lain yang lebih jauh untuk menangkap ikan.

"Jika dahulu, hendak dapat ikan amat senang, sekarang kami kena berusaha dengan pergi lebih jauh dan tunggu lama untuk mendapatkan hasil," katanya di sini semalam.

Dia memaklumkan, kerja penambakan pulau buatan

itu sepatutnya siap tahun ini, namun sehingga kini dilihat masih belum siap dan menyebabkan mereka tertunggu-tunggu apa tujuan sebenar projek berkenaan.

"Sudahlah kami berhadapan masalah penambakan ini, kini ditambah pula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) maka lagi terjejas periuk nasi nelayan di sini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1

Nelayan bimbang pulau ditambak

Oleh **JUANI MUNIR
ABU BAKAR**

juani.bakar@mediamulia.com.my

PONTIAN: Kewujudan pulau buatan berhampiran Taman Negara Tanjung Piai mencetuskan kebimbangan dalam kalangan nelayan di kawasan itu yang berkemungkinan memberi kesan kepada kehidupan mereka.

Meskipun masih dalam proses pembuatan, ia secara langsung menjejaskan hasil tangkapan akibat gangguan kepada ekosistem alam sekitar.

Tinjauan *Utusan Malaysia* berhampiran pulau itu semalam mendapati beberapa kapal kelihatan sedang melakukan projek penambakan di sebuah lokasi yang hanya terletak kira-kira 500 meter dari Taman Negara Tanjung Piai.

Bersambung di muka 2

A LIFELINE FOR FISHERMEN AHEAD OF MONSOON

T.N. ALAGESH
Kuantan
news@nst.com.my

THIS year has been a roller-coaster ride for fisherman Zairi Zaimal Abidin from Kampung Kempadang near here.

When the east coast monsoon season came to its tail-end in February, the 35-year-old started to net a good income from his catch but the Covid-19 pandemic and the Movement Control Order (MCO) changed things almost overnight.

Compounded by uncertain sea-food prices and supplies, fishermen here face a challenging situation. Now, the year-end monsoon is just around the corner.

Zairi, a father-of-one, said the

majority of fishermen who were badly hit when the Covid-19 pandemic reached the country's shores were thus grateful for the Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN2.0) under the government's Prihatin Supplementary Initiative Package (Kita Prihatin).

"It has been a challenging year and we are certainly thankful to the government for the handout. Our catch has dropped and sales has been slow. During the good times (before the MCO) I earned about RM500 a day. Nowadays, I struggle to even bring home RM100.

"The state government also provided cash aid and essential items. The BPN aid certainly brought some relief to the fishermen and the payout allowed us to make necessary preparations to face the rainy sea-



Zairi Zaimal Abidin and his mother Noraini Mat Noor with their catch. PIX BY FARIZUL HAFTIZ AWANG

Kita Prihatin

son," he said when met at the village. Zairi described the cash aid as timely saying that once the monsoon season struck, fishermen would be forced to remain on-shore to take up odd jobs in the village or collect mud crabs and "jokan".

Meanwhile Luqmal Hakim Abdulah, 75, said he would set aside

some of the cash aid from BPN2.0 to help his son open a small foodstall in the village to support the family.

Luqmal Hakim said his son, Mohamed Safuan Luqmal Hakim, 32, had been helping him at sea but due to uncertain times, it was better for his son to venture into something new.

"The aid will be useful for Safuar to set up his business.

"These are certainly tough times for many fishermen but we are grateful that the government is providing cash aid. It helps those of us from low-income households to weather the impact of the pandemic to a certain extent," said the father-of-six.

The BPN 2.0 payments will be distributed in two stages – the first was paid out this month, while the second will be disbursed in January next year.

Nelayan rayu tindakan ke atas pihak cemari sungai

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KUALA SELANGOR - Nasib 100 nelayan di Jeli Pawang Gapar, Jeram di sini terus dirundung malang apabila berdepan dengan pencemaran Sungai Buloh sejak 15 tahun lalu.

Pencemaran daripada sisa industri tersebut didakwa dilepaskan dari sebuah kilang yang terletak di Ijok di sini melalui saliran longkang yang terus ke sungai tersebut.

Hasil tinjaan Kosmo/ semalam mendapati, air sungai tersebut menjadi hitam dengan mengeluarkan bau busuk yang boleh menyebabkan hidupan akuatik seperti ikan dan kerang mati.

Seorang nelayan, Kahar Buntal, 68, mendakwa perkara itu diajukan berulang kali kepada pihak berkuasa bagi menyelesaikan masalah membebantu nelayan di situ.

Katanya, pencemaran ketara dilihat terutama ketika air surut dengan kelihatan tempakan hitam dan pencemaran.

Jelasnya, ketika air pasang ia



SEBAHAGIAN nelayan yang resah dengan punca pencemaran mereka semakin terancam di Jeli Pawang Gapar, Jeram, Kuala Selangor semalam.

akan mengambil masa beberapa jam dan pencemaran tetap ada.

"Jadi, tolong kami selesaikan masalah ini kerana nelayan di sini sudah letih berdepan pencemaran berulang kali ini sejak 15 tahun lalu," katanya kepada Kosmo!

pergi ke laut lepas.

"Jika dabulu mampu meraih 200 kilogram (kg) udang sekarang hendak dapat sekilo pun sukar dan kacak-kacak hanya 12 ekor sahaja.

"Sungai ini pun rasanya sudah 'mati' dengan hasil penikanan kerana yang memenuhinya hanya memering dan biawak sahaja," ujarnya.

Pandangan senada turut dilontarkan Samsudin Zainal Abidin, 52, sekiranya berlaku pencemaran, nelayan hanya mampu menunggu di jeti mengenang nasib mereka tanpa sebarang pembealaan sewajarnya.

"Sampai bila lagi kami harus tunggu masalah ini diselesaikan. Pendapatan kami bukannya tinggi dan hasil laut sahaja yang digunakan bagi menyara kehidupan keluarga," katanya.

Sementara itu, sumber Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) ketika dihubungi Kosmo! memaklumkan, Sungai Buloh antara lokasi panas yang sering dipantau pihaknya dalam menangani isu pencemaran yang dikatakan kerap berulang.



Senarai Harga Barang Keperluan

Barang	Harga (RM/kg)
• Ayam	5.95
• Daging Lembu Tempatan	35
• Daging Lembu Import	24
• Telur Gred A	8.00
• Ikan Kembung	9.99
• Minyak Masak	5.25
• Gula Pasir	2.85
• Bawang Besar Holland	2.89
• Bawang Putih	3.90
• C#Merah	7.99
• Kubis Bulat Tempatan	1.99
• Tepung Gandum	2.15

Sumber: KPDNHEP

"LUAS sendiriantau dengan Majlis Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Alam Sekitar Selangor dalam mengenal pasti punca pencemaran tersebut.

"Kes ini memang dalam tin-dakan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Pelan Tindakan Sungai Buloh, LUAS," katanya.

Petani mengeluh sampah dibuang sesuka hati di sawah



MUHAMMAD FARID (kanan) menunjukkan sampah sarap yang dibuang di sawahnya di Kampung Sungai Pasir dekat Sungai Petani semalam.

SUNGAI PETANI - Seorang petani mengeluh apabila terpaksa berdepan dengan masalah pembuangan sampah sehingga memasuki petak sawahnya di Kampung Sungai Pasir dekat sini sejak empat tahun lalu.

Menurut Muhammad Farid Hazli, 24, masalah itu berlaku selepas beberapa tong sampah diletakkan di tepi Jalan Sungai Pasir berdekatan sawah miliknya.

"Ada segelintir individu yang tidak membuang sampah di dalam tong yang disediakan, sebaliknya mencampak sampah merata-rata sehingga masuk ke dalam petak sawah," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Ujarinya, bahan buangan seperti botol plastik, kayu, almari lama, tayar, besi serta sisa bahan

binaan rumah memenuhi sebagian kawasan petak sawah.

"Ada juga kaca-kaca yang dibuang di sawah sehingga mencederakan kaki ketika proses menyulam benih padi dilakukan sebelum ini.

"Keadaan itu juga menyebabkan kesan kehausan sawah padi ini semakin mengecil kerana diperuhi sampah sarap yang dibuang individu tidak bertanggungjawab," ujarnya.

Menurut Muhammad Farid, keadaan menjadi lebih serius apabila air sampah yang busuk dan kehitaman memusuki sawah setiap kali musim hujan.

"Ia menyebabkan tumbesaran padi terganggu, kemungkinan disebabkan air sampah tersebut," jelasnya.

Katanya, dia sebelum ini mampu memperoleh hampir satu tan padi bagi sawah seluas 0.5 hektar itu, namun hasil menurun kepada 200 kilogram (kg) sejak empat tahun lalu disebabkan masalah itu.

"Hasil pendapatan bagi satu tan padi adalah kira-kira RM1,200, manakala bagi 200 kg padi hanya RM240," jelasnya.

Dia telah melakukan pelbagai cara termasuk meletakkan papan tanda bagi melarang orang ramai supaya tidak membuang sampah berdekatan sawahnya, tetapi usaha itu tidak berjaya.

"Saya pernah memaklumkan kepada pihak berkuasa tempatan supaya mengubah lokasi pembuangan sampah ini ke tempat lain, namun masih belum ada tindakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Sedut pasir: Nelayan tak tahu

PONTIAN : Penduduk terutama nelayan terkejut apabila ditanya mengenai pelbagai isu membabitkan Pulau Kukup termasuk dakwaan berlakunya aktiviti sedut pasir.

Seorang pemandu bot yang dikenali Cheng, 69, memaklumkan, dia tidak tahu terdapat sebarang projek yang boleh memberi kesan kepada ekosistem Pulau Kukup.

"Awak cakap, baru hari ini saya tahu.

"Lagipun ada polis marin dan agensi penguatkuasaan sentiasa

berkawal di sini. Jika ada, sudah tentu mereka terlibat akan ditanahan serta-merta," katanya ditemui Jati Pulau Kukup.

Usaha *Utusan Malaysia* bagi mendapatkan penjelasan lanjut berhubung dakwaan itu gagal apabila pihak berkenaan hanya memberikan jawapan tidak mengetahui aktiviti tersebut.

Akhir ini juga meninjau persekitaran Kukup Laut dan Pulau Kukup dengan menaiki bot bagi melihat sendiri sebarang aktiviti yang kononnya menjejaskan ekosistem.

"Namun tiada sebarang aktiviti yang boleh memberi kesan kepada kesan alam sekitar dikesan.

Seorang nelayan yang dikenali Kassim, 51, di Jati Pengkalen Baharu berkata, hasil tangkapan mereka hanya terjejas pada musim tengkujuh dan angin monsun, bukan disebabkan pencemaran laut.

"Saya tidak pernah dengar aktiviti korek pasir dan perpindahan minyak kapal ke kapal.

"Kalau ada pun, kejadian tumpahah minyak tiga tahun lepas," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13

Herba tarikan Home2Stay Kak Siah

Oleh NURULAZMA SHAFQAH
KHAIRUL AZHAR
utusannews@mediamuka.com.my

JEMPOI: Setiap pengusaha inap desa ataupun *homestay* pasti mempunyai tarikan tersendiri bagi menarik pengunjung datang menginap di premis masing-masing.

Tidak terkecuali, pemilik Home2Stay Kak Siah, Nor Asiah Haron, 58, yang mengusahakan inap desa terletak di Kampung Lonek, Batu Kikir dekat simi ham-pir 15 tahun.

Apa yang menarik terdapat lebih 50 jenis tanaman herba di *homestay* tersebut yang menem-patkan satu unit rumah studio, rumah dua bilik dan dua unit bilik.

Nor Asiah yang lebih mesra dengan panggilan Uwan Siah berkata, terdapat pelbagai jenis tanaman herba yang jarang didengari orang ramai berada di *homestay* miliknya itu antaranya pecah kaca, sekentut, ara tanah dan dukung anak.

"Tanaman herba ini ba-nyak memiliki khasiatnya yang tersendiri sebagai contoh, daun pecah kaca bagi merawat pe-nyakit batu karang. Daun ara ta-nah, atau sudu nabi juga sinonim dengan herba yang dapat me-rawat penyakit gout.



NOR Asiah Haron menunjukkan sebahagian tanaman herba yang terdapat di inap desa diusahakannya di Kampung Lonek, Batu Kikir, Jempol.

"Kesemua tanaman ini ada yang saya ambil di sekitar kam-pung dan ada juga beli benihnya daripada kawan-kawan. Sebe-narnya di sekeliling kita banyak tumbuhan herba yang banyak

khasiat. Tapi kadang-kadang kita tidak tahu dan tidak kenal itu ada-lah herba," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini. Tambah Uwan Siah, dengan kelainan yang ditawarkan kepada

pengunjung yang datang mengi-nap di *homestay* tersebut, perkara itu diharap dapat memberi tam-bah nilai kepada pengetahuan mereka.

"Selain membantu pengun-



Terdapat pelbagai jenis tanaman herba yang jarang didengari orang ramai berada di *homestay* miliknya itu antaranya pecah kaca, sekentut, ara tanah dan dukung anak."

NOR-ASIAH HARON

jung mengenali setiap tumbuhan herba, saya juga dapat memberi tahu tentang khasiat herba-herba tersebut," katanya.

Sementara itu jelasnya, selain menjadikan tanaman herba se-bagai landskap, inap desanya itu juga menawarkan suasana indah sawah padi.

"Pada waktu malam pula, ke-biasaannya pengunjung tidak melepaskan peluang bergambar di pintu masuk ke kampung ini kerana terdapat pintu gerbang yang cantik," katanya.

BERAS MERAH TINGGI SERAT

Mempunyai nilai GI rendah yang boleh mengurangkan risiko diabetes selain kaya kandungan antioksidan

Oleh Fairul Asmaini Mohd Plus
asmaini@nstp.com.my

Nasi terutama daripada beras putih sememangnya makanan ruji bagi rakyat Malaysia dan hampir keseluruhan masyarakat di seluruh dunia.

Menurut laporan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) pada tahun 2016, purata penggunaan beras bagi seorang rakyat Malaysia adalah kira-kira 80 kilogram (kg) setahun.

Walaupun karbohidrat dalam beras penting untuk tubuh bagi membekalkan tenaga, tahukah anda pengambilan nasi putih yang berlebihan boleh menyebabkan masalah kesihatan?

Ini kerana ia mempunyai nilai indeks glikemik (GI) yang tinggi selain bahagian berfasiat dalam beras seperti dedak (bran) dan embrio (germ) yang menyimpan nutrien tinggi juga turut dikeluarkan ketika proses penghasilan beras putih.

Sebagai alternatif, masyarakat boleh mencuba beras merah antaranya Primavera, yang dikatakan mempunyai nilai GI rendah, tinggi dengan serat dan kaya dengan kandungan antioksidan.

Pakar Genetik Tumbuhan dan Bioteknologi, Jabatan Sains Biologi dan Bioteknologi, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr Wickneswari Ramam berkata, beras itu



(Dari kiri) Saifulhakur Ruzaimi, Dr. Wickneswari Ramam dan Chef Wan pada majlis pelancaran di Sungei Ulu, Kuala Lumpur.

yang sudah pun berada di pasaran itu mempunyai sedikit rasa kekacang dan membekalkan antosianin, sejenis antioksidan yang melindungi sel-sel tubuh daripada radikal bebas selain dapat membantu menurunkan risiko penyakit kardiovaskular.

Sementara itu, mallis pelancaran beras berkenaan di ibu negara baru-baru ini turut dihadiri duta masakan Tourism Malaysia yang juga cef terkemuka, Darak Redzuawan Ismail atau lebih dikenali sebagai Chef Wan.

Beliau turut berkongsi tiga resipi menarik menggunakan beras berkenaan iaitu Nasi Berlanik, Bubur Aneka dan Nasi Ulam.

Resipi Nasi Ulam oleh Chef Wan

- Bahan A (untuk nasi)
- 2 cawan beras merah
- 5 cawan santan
- 2 batang serai (dititik)
- 3 keping daun limau purut
- 1 helai daun salam
- Garam secukupnya.


Cara masak Nasi Ulam

1. Di dalam mangkuk besar, gaul nasi beras merah yang dimasak tadi bersama semua bahan B.
2. Gaul sampai rata dan secukup rasa.
3. Perahkan air limau nipis dan sajikan.

nilai GI yang rendah akan dicerna secara perlahan menyebabkan kenalkan kadar gula dalam darah menjadi perlahan dan stabil seterusnya mengurangkan risiko menghadapi diabetes," katanya.

Pengarah dan Ketua Pembangunan Perniagaan Nomaitech Sdn Bhd, Sbarifah Nur Rahimah Syed Alias berkata, oleh kerana makanan yang rendah nilai GI lambat dicerna tubuh, mengambilnya pada sukatan yang sihat boleh menjadikan seseorang itu berasa kenyang dan mengelakkan rasa cepit lapar.

Katanya, beras merah keluaran syarikatnya



Nasi Ulam merah, nasi beranak dan bubur anek yang digemai ramai menggunakan beras merah.

Nilai GI menunjukkan kemampuan relatif kandungan karbohidrat dalam makanan meningkatkan kadar glukosa dalam darah. "Makanan dengan

28/10/2020

HARIAN METRO

WM

39

Kempen lestari biji kopi 'dari ladang ke cawan'

Sempena Bulan Kopi Antarabangsa, jenama kopi kegemaran ramai, NESCAFE terus memberi komitmen kukuh terhadap kelestarian menerusi kempen terbaharunya. "Disemai dengan kasih, dinikmati sepenuhnya hati".

Kempen itu memaparkan perjalanan lestari biji kopi 'dari ladang ke cawan' iaitu perhatian teliti yang diberikan jenama berkenaan dalam menjamin kualiti setiap biji kopi yang digunakan dalam produk keluarannya demi memenuhi selera penggemat minuman berkenaan.

Bukan sekadar menyajikan secawan kopi yang lazat kepada pengguna, usaha itu adalah sebahagian daripada komitmen jenama terhadap untuk membina sebuah ekosistem kopi lestari, bertunjangan rasa hormat kepada masyarakat petani dan juga bumi.

Kena Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad, Juan Aranols berkata, mallaamat pihaknya adalah untuk merungkai

kuasa makanan bagi meningkatkan kualiti kehidupan kepada semua pada hari ini dan gemerai akan datang.

Iusteru kata Aranols, Bulan Kopi Antarabangsa, mereka berbesar hati untuk merayakan kemajuan berterusan jenama minuman kopi terkenal itu ke arah kelestarian.

"Di Malaysia, semua biji kopi kami diperoleh secara lestari dan bertanggungjawab dari kawasan penanaman kopi terbaik di dunia.

"Kami komited untuk membekalkan kopi yang lazat dan penuh nikmat untuk rakyat Malaysia sambil memastikan penjagaan teliti dengan sepenuh hati di seluruh rantalan bekalan kami, bermula dari petani." katanya

Dalam pada itu, jenama berkenaan sudah beralih sepenuhnya hanya kepada penggunaan 100 peratus produk kopi bersijil 4C pada tahun ini bagi semua produknya yang dibuat di Malaysia.

Kod 4C ialah piawaian kelestarian yang diiktiraf antarabangsa untuk seluruh sektor kopi, bertujuan mendorong kelestarian dalam rantalan bekalan kopi.

Hari ini, semua biji kopi jenama itu dibeli secara beretika dan mematuhi 28 prinsip yang digariskan di bawah kod 4C.

Sementara itu, jenama terbahit turut memalkan petanian aktif menambah baik kelestarian di seluruh rantalan bekalanannya.


Tahun lalu, NESCAFE Malaysia melancarkan program *Grown Respectfully* (Disemai dengan kasih) bertujuan memulihkan

sektor penanaman kopi di negara ini, bermula dengan Kedah.

Sehingga kini, program itu memberi manfaat kepada lebih daripada 100 petani dan beberapa usaha sudah disusunkan untuk mempercepatkan perkembangan dalam beberapa tahun yang akan datang.

Pegawai Eksekutif Perniagaannya, Othman Chraibi berkata, objektif utama mereka adalah untuk menjamin masa depan lestari bagi kopi bermutu tinggi sambil meringkatkan pendapatan petani tempatan dan masyarakat luar bandar.

"Daripada usaha merbantu petani mengerjakan tanaman dengan lebih baik kepada perlindungan alami sekitar menerusi perkongsian amalan pertanian terbaik, kempen terbaharu kami sempena Bulan Kopi Antarabangsa menunjukkan bagaimana jenama ini disemai dengan kasih, untuk dinikmati dengan sepenuh hati oleh rakyat Malaysia." katanya.



NESCAFE terus memberi komitmen kukuh terhadap kelestarian menerusi kempen terbaharunya. 'Disemai dengan kasih, dinikmati sepenuhnya hati'.